

Ceroboh tanah rizab Sungai Klang, 11 suspek dituduh di Shah Alam pagi ini

Oleh Ruwaida Md Zain - Mei 19, 2023

Shah Alam : Sekumpulan 11 lelaki termasuk tiga warga asing dijangka dituduh di Mahkamah Majistret Shah Alam pagi ini kerana menceroboh tanah rizab Sungai Klang serta menjalankan aktiviti haram.

Ketua Polis Daerah Shah Alam, Asisten Komisioner Mohd Iqbal Ibrahim, berkata semua suspek ditahan susulan serbuan pada 9 Mei lalu di Tanah Rizab Sungai Klang di Seksyen 36, di sini.

Selain lapan rakyat tempatan, katanya, dua lagi membabitkan warga Indonesia dan baki seorang lagi warga India.

"Dalam serbuan itu, kita turut merampas empat lori (oro) dan tiga trak pikap, dengan siasatan mendapat pencerobohan tanah rizab mula berlaku sejak September tahun lalu.

"Antara aktiviti haram dijalankan adalah pembuangan dan penambakan sampah serta sisa pepejal, pengorekan pasir sungai dan tanah," katanya dalam kenyataan hari ini.

Mohd Iqbal berkata, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 447 Kanun Keseksaan dan kertas siasatan dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya Selangor.

"TPR mengarahkan semua 11 suspek dituduh mengikut Seksyen 447 Kanun Keseksaan kerana menceroboh.

"Selain itu, seorang daripada mereka akan turut dituduh mengikut Seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 kerana tinggal lebih masa, manakala dua lagi mengikut Seksyen 6(1)(c) akta sama kerana tiada dokumen pengenalan diri yang sah," katanya.

-Berita Harian